



Media Title : Utusan Malaysia
 Headline : Kenaikan tarif import solar AS tidak jejas Cypark
 Date : 16 April 2018
 Page : 15
 Size : 32.7x15.4



Kenaikan tarif import solar AS tidak jejas Cypark

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**
 ekonomin@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 April - Cypark Resources Bhd. dijangka tidak terjejas di atas keputusan Amerika Syarikat untuk mengenakan tarif 30 peratus ke atas panel solar yang diimport.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cypark Resources Bhd. Daud Ahmad berkata, tarif 30 peratus yang dikenakan itu akan mewujudkan pasaran pembeli baharu dan memberi manfaat kepada pengeluar tenaga boleh diperbaharui (RE).

"Kami adalah pembeli panel solar dan kami yakin terdapat pelarasan dari segi harga kerana lebih bekalan dalam jangka masa pendek kerana banyak projek mungkin dibatalkan di Amerika Syarikat."

"Berikutan itu, ia akan mencipta satu peluang pasaran kepada pembeli, dan ia merupakan berita baik bagi kami. Laporan industri juga menunjukkan bahawa banyak projek di AS akan ditangguhkan akibat pengumuman tarif ini. Penghantaran yang dirancangkan ke Amerika Syarikat telah dibatalkan dan ini akan mewujudkan pasaran yang besar kepada pembeli," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

nald Trump meluluskan tarif 30 peratus ke atas panel solar yang diimport.

Walaupun langkah itu bertujuan membantu pengeluar AS, ada yang mengatakan kenaikan tarif itu akan memperlahankan pelaburan AS dalam tenaga suria dan menyebabkan ribuan pekerja negara itu kehilangan pekerjaan.

Sementara itu mengulas mengenai prospek Cypark selepas Pilihan Raya Umum ke-14, Daud berkata, projek-projek yang berkaitan dengan kerajaan tidak akan terjejas memandangkan perjanjian pembelian kuasa ditandatangani dengan Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

"Pelanggan kami adalah TNB, yang merupakan sebuah syarikat

tersenarai dan mereka mempunyai penarafan AAA. Oleh itu, kita tidak bimbang dalam hal ini," katanya.

Syarikat itu memperuntukkan perbelanjaan modal sehingga RM200 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2018 ke atas projek berkaitan perniagaan konsesi yang telah diperolehnya baru-baru ini termasuk kontrak bernilai RM260.51 juta untuk kerja-kerja berkaitan loji photovoltaik solar berskala besar serta loji sisa ke tenaga 25 megawatt (MW) di Ladang Tanah Merah, keduanya di Negeri Sembilan.



DAUD AHMAD

Januari lalu, Presiden AS, Do-